



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	15.08.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	TNB			

Kuala Lumpur: Peralihan kepada tenaga bersih tidak dapat dielakkan terutama apabila dunia bergerak ke arah pembalikan kesan perubahan iklim di samping memastikan keselamatan tenaga untuk melindungi nilai daripada ketidaktentuan luaran seperti impak konflik Rusia-Ukraine terhadap sektor tenaga.

Ketua Pegawai Operasi TNB Generation Sdn Bhd (TNB Genco) Datuk Ir Roslan Abd Rahman berkata, Tenaga Nasional Bhd (TNB) merancang untuk mengurangkan pergantungan kepada arang batu sebanyak 50 peratus menjelang 2035 dan mengkaji secara serius sumber tenaga boleh diperbaharui seperti hidrogen dan ammonia.

"Kami tidak mahu bergantung kepada satu sumber untuk menjana elektrik. Dari segi keselamatan, tenaga boleh diperbaharui seperti hi-

TNB kaji sumber tenaga baharu boleh diperbaharui

drogen kini lebih selamat berbanding arang batu yang perlu diimport dari negara pengeluar seperti Indonesia.

"Kita akan mempunyai masalah jika Indonesia berhasrat menghentikan eksport arangnya," katanya di luar acara lawatan media ke stesen-stesen Janakuasa Cameron Highlands (SSJCH) TNB.

Turut hadir ialah Pengerus Besar Hal Ehwal Stakeholder TNB Pahang Datuk Baderul Sham Saad dan Pengerus Besar Stesen-stesen Janakuasa Cameron Highlands Sa'aidan Abu Hassan.

Selain itu, Roslan menambah bahawa empangan kuasa hidro juga adalah sumber tenaga boleh diperbaharui



ROSLAN (kiri) ketika melawat SSJCH TNB.

yang penting dan pada masa ini, hidroelektrik menyumbang kira-kira 10 peratus daripada grid tenaga negara.

HM150822_24

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia